

03 SEP 1997

PELABUR TEMPATAN DIMINTA PERTAHAN PASARAN SAHAM

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Pelabur-pelabur tempatan diminta mencuba sedaya upaya mempertahankan pasaran saham Kuala Lumpur sejajar dengan gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyokong bursa tempatan itu, kata pengerusi eksekutif Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) Datuk Nik Mohamed Din Nik Yusoff.

Bagaimanapun, beliau berkata pengurus-pengurus dana tempatan sepatutnya diberikan masa untuk menggerakkan pasaran secara positif.

"Anda tidak boleh melakukannya secara terburu-buru," katanya kepada para pemberita di Jabatan Perdana Menteri di sini selepas rundingan antara perwakilan Malaysia yang diketuai oleh Dr. Mahathir dengan ketua pentadbir Hong Kong, Tung Chee-hwa.

Apabila ditanya mengapa pasaran saham masih tidak menunjukkan kemajuan meskipun mendapat sokongan daripada institusi tempatan, beliau berkata: "Bagaimana anda tahu? Kita tidak tahu sejauh mana mereka telah pergi."

Mengenai sama ada langkah seterusnya akan diperkenalkan untuk menyokong pasaran saham, Nik Din berkata pelabur tempatan sepatutnya mengekalkan pasaran seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata di antara langkah-langkah yang diambil untuk menangkap manipulator pasaran adalah dengan menyekat jualan singkat dalam pasaran saham dan pengkelasan 100 saham komponen Indeks Komposit sebagai kaunter ditetapkan.

Beliau juga meminta pengurus dana tempatan terutamanya institusi kerajaan untuk memasuki pasaran dalam kuasa sepenuhnya. -- BERNAMA

ES ZK/sia